

Semua syarikat penerbangan alami kerugian

SEMUA syarikat penerbangan termasuk MAS, pada amnya mengalami kerugian kerana kos operasi penerbangan.

Dewan Negara diberitahu hari ini, mana-mana syarikat yang untung mendapat hasil dari sumber-sumber seperti kedai bebas cukai.

Menteri Pengangkutan, Datuk Lee San Choon berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Senator Datuk Haji Mohammad Nor Mohammad.

"Dari segi operasi penerbangan, iaitu perkhidmatan penumpang, semua syarikat pada amnya rugi."

Beliau berkata, pada tahun depan, MAS dijangka rugi kerana kemelesetan ekonomi akan mengurangkan sambutan penumpang. Bagaimanapun,

MAS dan Kementerian akan mengambil langkah-langkah mengurangkan kerugian.

Kata menteri itu, kerajaan tidak bercadang memberi subsidi minyak kepada MAS untuk membantunya mengatasi masalah kos minyak yang tinggi, tetapi beliau menyokong cadangan supaya ekuiti syarikat itu ditambah bagi mengurangkan faedah yang terpaksa dibayar.

Masalah kewangan

"Ini kalau ada, memang bagus dan MAS tentu akan untung. Tetapi cadangan ini belum boleh dilaksanakan kerana negara menghadapi masalah kewangan," kata Datuk Lee.

MAS telah mencadangkan kepada

kementerian supaya modal syarikat ditambah dan perkara itu sedang dipertimbangkan.

Ketika menjawab soalan asal senator itu, Datuk Lee menerangkan, fakta-fakta lain yang menyebabkan syarikat-syarikat penerbangan rugi termasuk faedah tinggi, kos minyak yang meningkat dan kemerosotan permintaan untuk pengangkutan udara.

Beliau juga berkata, adalah sukar membuat perbandingan prestasi syarikat-syarikat penerbangan di ASEAN berasaskan laporan tahunan semata-mata kerana fakta-fakta seperti perbezaan skop aktiviti dan corak operasi.

Fakta-fakta ini ialah tanggagaji, perkhidmatan dalam negeri dan struktur tambang.